

23/08/1998

Tarikh laksana program Sekolah Bestari ditunda

KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan bersetuju menunda tarikh pelaksanaan program Sekolah Bestari yang dijadualkan pada tahun 2000 kepada satu tempoh yang akan ditentukan kemudian berikutan kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi negara sekarang.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata tempoh penundaan itu dijangka tidak mengambil masa panjang kerana kerajaan yakin segala usaha dan langkah bersungguh-sungguh pemimpin negara menangani masalah ekonomi mula menampakkan hasil.

Menurutnya, walaupun program itu amat penting dan sebahagian besar persiapan sudah dibuat oleh beberapa sekolah yang dikenal pasti mulai tahun lalu, kerajaan sedar kegawatan ekonomi sekarang sedikit sebanyak menjejaskan sekolah menyediakan prasarana serta kelengkapan ke arah itu sebelum tahun 2000.

"Segala silibus, corak pendidikan sejajar perkembangan pesat teknologi maklumat (IT) sudah kita siapkan dan pada dasarnya pelaksanaan program Sekolah Bestari pada tahun 2000 tidak ada sebarang masalah.

"Kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang adalah sesuatu tidak diduga dan menjejaskan sedikit usaha kita menyiapkan semua sekolah sebagai Sekolah Bestari pada tahun 2000.

"Oleh itu, kita bersetuju menunda tarikh pelaksanaan program itu," katanya pada majlis makan malam sempena sambutan hari ulang tahun gabungan tiga sekolah iaitu Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Rendah Chung Hwa dan Sekolah Persendirian Chung Hwa Kelantan, di Dewan Perniagaan Cina Kelantan, di sini, malam kelmarin.

Bagaimanapun, katanya sekolah yang dikenal pasti oleh kementerian sebagai Sekolah Bestari contoh tidak terbabit dengan langkah itu, malah segala persiapannya berjalan mengikut jadual.

Kerajaan yakin langkah menunda tarikh pelaksanaan program itu keseluruhannya tidak akan menjejaskan maklumat asalnya yang antara lain mahu mutu pendidikan negara ini terus maju sejajar kemajuan teknologi masa kini yang menuju tahap pendidikan gemilang pada abad ke-21.

Dr Fong berkata, kerajaan tetap meneruskan tanggungjawab memastikan program ini terus mendapat sokongan setiap pihak, termasuk melalui pameran dan ceramah bagi memberi penjelasan kepada orang ramai, khususnya ibu bapa.

Menurutnya, bagi mencapai matlamat itu, satu siri pameran besar-besaran mengenai Sekolah Bestari akan diadakan di sini pada 25 September ini.

Beliau berkata, di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, negara menuju kemuncak kejayaan dengan idea bernas dan terbuka.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat Cina menghargai segala yang dikecapi sekarang dan mengambil iktibar daripada apa yang berlaku terhadap masyarakat Cina di Indonesia.

"Kestabilan politik negara ini menyemarakkan semangat saling hormat menghormati setiap kaum," katanya.

(END)